

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (8)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 26/07/16

Bismillahirrahmanirrahim

Perkara utama yang membezakan diantara siyasah atau politik Islam dengan siyasah sekular Barat adalah landasannya, yang mana siyasah Islam dibangunkan di atas landasan ketauhidan dan hukum-hakam agama, sedangkan siyasah sekular Barat meletakkan jurang pemisah yang besar diantara politik dan agama. Dalam agama Islam, *Fiqh Siyasi* yang bertujuan mengatur pemaslahatan umat adalah bersumber daripada ajaran kitab al Quran dan Hadiths sedangkan dalam prinsip sekular Barat, politik itu sifatnya relatif, diolah pinda mengikut kesesuaian, citarasa serta mandat yang diambil atas nama rakyat jelata, dan Tuhan tidak ada kena mengena dengan urusan pemerintahan.

Kajian *Fiqh Siyasi* meliputi pengaturan hubungan sesama warga negara, antara warga negara dengan pentadbir-pentadbir negara serta hubungan sesama pentadbir-pentadbir negara. Antara pentadbir negara yang menjadi subjek kajian *Fiqh Siyasi* disebut sebagai *Ahl al-Hal wa al- 'Aqd* yang mempunyai beberapa fungsi, antara yang utama dan penting adalah dalam urusan melantik ketua negara ataupun pemerintah umat Islam.

Di sini kita ringkaskan tiga cara perlantikan ketua negara serta peranan *Ahl al-Hal wa al- 'Aqd* dalam salah satu kaedah perlantikannya yang mengikut hukum syariat, dipetik terus daripada kitab *Thamarat al-Muhimmah Diyafat li'l-Umara'i wa'l-Kubara'i li-Ahli al-Mahkamah* susunan Raja Haji Ali ibn Raja Haji Ahmad Riau:

Pertama:

Dengan sebab bay'ah *Ahl al-Hal wa al- 'Aqd* daripada 'ulama yakni dengan sebab dilantik kemudian daripada muafakat dengan musyawarah beberapa lelaki-lelaki yang adil daripada orang baik-baik dan serta kepala-kepala dan serta daripada ulama yang hadir dan yang layak tempat itu dan melafazkanlah setengah daripada mereka itu dan yang terlebih *uli 'ulama*, demikianlah bunyinya;

"Kami semua Ahl al-Hal wa al- 'Aqd, kemudian daripada muafakat dan musyawarah yang telah sudah putus mentauliahkan fulan menjadi Raja kami di dalam kerajaan negeri ini dengan segala takluk daerahnya, dan berlakulah diantara kami dengan Raja kami mengikut seperti ayat yang Maha Mulia firman Allah Taa'la di dalam Quran al-'Azhim:

Yakni *"Taatlah kamu akan Allah Taa'la dan taatlah kamu akan RasulNya dan yang mempunyai pekerjaan, yakni yang mempunyai hukum daripada kami (ulil amri)"*

(Pen: Dalam sistem kesultanan Melayu, *Ahl al-Hal wa al- 'Aqd* disebut juga sebagai Jemaah Pangkuan)

Kedua:

Dengan sebab *istikhlaf*, yakni menjadikan satu Raja akan gantinya masa hidupnya pada yang patut menjadi Raja, kemudian daripada pekerjaan musyawarah dengan redho segala mereka itu, seperti yang telah diperbuat oleh segala sahabat

Nabi kita ﷺ iaitu Khalifah al-'Adl, Sayyidina Umar radiyaLlah 'anhu pada masa hidupnya muafakat dan musyawarah dengan beberapa sahabat mendirikan gantikan kemudian daripada matinya, iaitu bermusyawarah dengan enam orang sahabat Rasulullah ﷺ yang besar-besar, iaitu Sayyidina Uthman ibn Affan dan Sayyidina Ali ibn Talib dan Sayyidina Zubayr dan Sayyidina Abdul Rahman ibn Awf dan Sayyidina Saad bin Abi Waqas dan Sayyidina Talha *radiaLlah 'anhum*

(Pen: Sistem ini juga telah dipraktikkan dalam adat pemilihan Raja-raja Melayu silam, hatta masakini, iaitu raja yang memerintah menunjuk kepada sesiapa (dalam adat Melayu, lazimnya dicalonkan putera yang sulung dari darah gahara, tetapi ini bukan muktamad) yang dihasratkan, dan lazimnya akan dipersetujui oleh Jemaah Pangkuan))

Ketiga:

Dengan sebab *taghallab* yakni dengan kekerasan seorang laki-laki yang mempunyai *quwwat* mengalahkan satu negeri itu kemudian menjadilah ia Raja dengan dirinya sendiri

Fiqh Siyasi termasuk juga dalam perkara kelayakan serta pemilihan ketua negara Islam. Menurut ulama besar Al-Mawardi dalam kitabnya *Al-Ahkam Sulthoniyyah* ada beberapa syarat kelayakan untuk menjadi ketua negara Islam seperti seorang Islam, baligh, berakal, merdeka dan dari kaum lelaki. Selain ciri-ciri tersebut disebut beberapa lagi ciri kelayakan lain, iaitu;

- i. Al-'dalah**, iaitu memenuhi kriteria di bidang agamanya dan norma norma *akhlakul karimah* (sihat rohaniyyat).
- ii. Al-Ilmu**, iaitu mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup sebagai memenuhi syarat untuk berjihad iaitu mengambil sikap politik dan kebijaksanaan yang tidak bertentangan dengan hukum syariah dan peraturan lainnya waktu diperlukan.
- iii. Sihat pancaindera**, iaitu menerima dengan tepat dalam melakukan segala urusan pemerintahan sehingga yang benar dibenarkan dan yang batil dibatalkan dan yang hak menjadi hak.
- iv. Sihat tubuh badan**, iaitu tidak terdapat hal-hal kesihatan yang menjejaskan kegiatan sehari-harian dalam urusan pemerintahan.
- v. Memiliki pendapat yang tepat**, kebijaksanaan dan kecekapan dalam upaya mencapai kemaslahatan ummah dan negara.
- vi. Asy-Syaja'ah wan Najdah**, iaitu keberanian yang tinggi untuk berkorban demi membela agama, bangsa dan negara dari segala gangguan sehingga rakyat mampu menjalani kehidupan seharian dalam sejahtera dan ketenangan.
- vii. Berbangsa Quraisy**, dalam hal ini terdapat khilaf ulama, yang mana golongan Ahlus Sunnah Wal Jamaah mewajibkan Kepala Negara

berketurunan Quraisy. Sedangkan kelompok Muktazilah dan Khawarij berpendapat bahawa kepimpinan adalah hak setiap Muslim asal sahaja memenuhi syarat-syarat kepimpinan.

Wallahu 'alam bissawab

Bersambung...